



Temu Bual

Bersama Menteri Kewangan Malaysia
Mengenai Cukai Jualan dan
Perkhidmatan





“Tujuan SST adalah untuk mengurangkan beban rakyat. Pendekatan dan dasar kerajaan baharu ialah untuk menyejahterakan rakyat dan ekonomi rakyat.”

YB Tuan Lim Guan Eng
Menteri Kewangan Malaysia

ISI KANDUNGAN

SELAMAT PAGI MALAYSIA

RTM

4 September 2018

04

AGENDA AWANI

AWANI

7 September 2018

12

RUANG BICARA

BERNAMA NEWS CHANNEL

20 September 2018

20

== SST ==

Cukai Jualan dan Perkhidmatan



Selamat Pagi Malaysia

4 September 2018 (Selasa)



SOALAN 1 :

Negara perlukan hasil (pendapatan) untuk menggerakkan ekonomi sesebuah negara. Apakah kesan *tax holiday* tiga (3) bulan ini?

JAWAPAN :

Tax holiday selama tiga (3) bulan ini, merupakan keputusan kerajaan baharu untuk sisfarkan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) sebelum ia dimansuhkan. Apabila kerajaan baharu menang, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan GST disifarkan bermula 1 Jun sebelum digantikan dengan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST). Dalam masa tiga (3) bulan bermula dari 1 Jun hingga 31 Ogos 2018, semua rakyat Malaysia termasuk pelancong daripada negara-negara jiran beruntung kerana dapat peluang keemasan berbelanja tanpa cukai.

Jadi selepas tempoh tersebut, apabila SST dilaksanakan, mungkin akan berlaku kenaikan harga barangan dan perkhidmatan. Jika ada kenaikan, kerajaan akan memastikan ia tidak akan seteruk semasa GST. Pelaksanaan SST diharapkan dapat meringankan beban rakyat kerana melalui SST, kerajaan dianggarkan akan mengutip sebanyak RM21 bilion berbanding anggaran RM44 bilion di bawah GST. Jika dilihat jumlah kutipan di bawah SST adalah kurang separuh daripada kutipan GST. Jumlah inilah yang kerajaan baharu pulangkan kepada rakyat.

SOALAN 2 :

YB, perbincangan hari ini akan dibahagikan kepada dua iaitu daripada sudut pengguna dan peniaga. Selepas pelaksanaan SST bermula 1 September 2018, bagaimana aduan, kefahaman atau kekeliruan dalam kalangan rakyat yang diterima oleh pihak Kastam atau Kementerian Kewangan sendiri?

JAWAPAN :

Sesuatu cukai atau sistem yang baharu pasti ada masalah pada permulaannya. Ia sesuatu yang dijangka. Walau bagaimanapun, secara keseluruhan keadaan masih terkawal. Kami berterima kasih kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang juga turun padang kerana memantau dan mengawal kenaikan harga. Jika kita lihat perbezaan liputan GST dengan SST, GST merupakan cukai pengguna yang dikenakan pada semua lapisan (peringkat) sedangkan cukai SST dikenakan kepada pengilang sahaja. SST hanya dikenakan kepada pihak yang menghasilkan barangan/produk dan juga pihak yang menawarkan 26 jenis perkhidmatan yang terlibat sahaja. Di sini kita dapat lihat liputan cukai SST adalah jauh lebih kurang daripada GST.

Pada masa yang sama, kekeliruan timbul dalam kalangan rakyat kerana pihak kerajaan memberi terlalu banyak pengecualian cukai di bawah SST. Di bawah GST, pengecualian cukai diberi kepada 545 jenis barangan, tetapi di bawah SST banyak 5,443 jenis barangan tidak dikenakan cukai iaitu 10 kali ganda bilangannya. Oleh itu, rakyat keliru apakah jenis barang yang dikenakan atau tidak dikenakan cukai?.



Tujuan SST adalah untuk mengurangkan beban rakyat bawahan. Pendekatan dan dasar kerajaan baharu ialah untuk menyejahterakan rakyat dan ekonomi rakyat. Ini semua lebih penting daripada untuk peningkatan hasil negara semata-mata. Hasil negara penting, tetapi janganlah kerana mahu melihat hasil negara naik melambung tinggi tetapi merugikan rakyat biasa hingga ada yang hidup susah. Dasar kerajaan ialah untuk menyejahterakan rakyat supaya rakyat boleh hidup lebih senang di bawah SST berbanding dengan GST.



SOALAN 3 :

YB ada mengumumkan semakan barangan yang dikenakan cukai SST akan dibuat pada hujung tahun. Jadi apakah relevannya barang-barang ini disemak semula?

JAWAPAN :

Semakan harga ini akan dibuat semula kerana kita perlu mengkaji daripada semua aspek. Sebagai contoh, barangan seperti makanan laut yang diimport termasuk udang kecil dan kerang. Semua jenis makanan laut ini, digemari oleh rakyat Malaysia bukan hanya golongan yang mampu sahaja. Oleh sebab cukai yang dikenakan ini menjejaskan rakyat biasa, kerajaan memberi pengecualian cukai ke atas semua jenis makanan laut termasuk makanan laut mewah. Ini menguntungkan golongan yang mampu untuk membeli makanan mewah. Dalam situasi ini, semakan barangan perlu dibuat supaya makanan laut mewah ini tidak termasuk dalam senarai barangan yang dikenakan cukai.

Sebagai contoh lain, bagi golongan yang tidak mampu membeli tayar tulen, mereka terpaksa menggunakan tayar celup. Oleh itu, kerajaan telah menurunkan cukai jualan daripada 10% kepada 5%. Ini merupakan berita baik kepada rakyat. Seperti juga basikal, kerajaan telah kecualikan SST. Bagi motosikal di bawah 250cc juga dikecualikan cukai di bawah SST. Berkenaan aksesori kereta yang telah dikenakan cukai pula, ada pihak memohon cukainya dikurangkan. Kami perlukan masa untuk mengkaji aspek ini.

Kementerian Kewangan adalah prihatin. Kerajaan mendengar maklum balas yang diterima daripada rakyat. Senarai pengecualian dan senarai barangan yang dikenakan cukai ini ialah senarai yang hidup, ia boleh ditukar dan diubah mengikut permintaan. Namun perlu diingatkan, bukan semua

permintaan rakyat boleh ditunaikan. Kita harus melihat kepada implikasinya ke atas kewangan dan ekonomi negara. Matlamat kita adalah supaya kerajaan boleh mendapatkan hasil tanpa membebankan rakyat.

SOALAN 4 :

YB, Bagaimanakah dengan isu tambah nilai prabayar (top up)?

JAWAPAN :

Isu ini timbul kerana syarikat telekomunikasi tidak mengikut apa yang kerajaan arahkan. Kerajaan mengarahkan supaya syarikat telekomunikasi membetulkan sistem mereka. Jika mereka gagal, pihak Kementerian Kewangan akan campur tangan. Kita akan pastikan apabila pengguna membeli kad prabayar sebanyak RM10, mereka akan dapat nilai RM10 juga.



SOALAN 5 :

Menjurus kepada peniaga pula, mengapa syarikat yang berdaftar di bawah GST lebih banyak berbanding dengan syarikat berdaftar di bawah SST iaitu hanya 80,000 sahaja?

JAWAPAN :

Ya, di bawah SST hanya ada 80,000 buah syarikat yang berdaftar berbanding di bawah GST ada 472,000 buah syarikat. Kita dapat melihat perbezaan sebanyak hampir enam kali ganda antara kedua-duanya. Jadi, ini membuktikan kesan SST ke atas pengguna adalah jauh lebih kurang berbanding dengan GST.

SOALAN 6 :

Pemahaman kepada peniaga sangat penting terutamanya mengenai sudut resit, invois dan sebagainya. Ini penting untuk mengelakkan kekeliruan berlaku di antara peniaga dengan pengguna tetapi pihak kerajaan disalahkan. Boleh YB terangkan?

JAWAPAN :

Sekarang, cukai tidak dikenakan kepada pengguna. Yang menjadi isu sekarang ialah pihak pengilang. Mereka ingin tahu bagaimana mereka boleh dikecualikan atau adakah mereka perlu membayar cukai. Semasa GST, semua pengilang dikenakan cukai tetapi di bawah SST situasinya lain.

Saya sendiri turun padang mengadakan *roadshow* bersama pegawai Kementerian Kewangan ke seluruh negara. Kami bertemu dengan peniaga untuk berbincang mengenai barangan yang dikenakan cukai. Kerajaan juga telah menempatkan pegawai khas di semua negeri untuk menerangkan tentang SST sama ada menerusi *hotline* atau melalui kaunter khas yang dinamakan sebagai klinik-klinik SST.

SOALAN 7 :

Kita tidak dapat menafikan bahawa ada peniaga-peniaga mengambil peluang atau manfaat semasa tempoh transisi atau peralihan daripada GST ke SST. Apakah nasihat YB kepada pengguna?

JAWAPAN :

Sekiranya ada pencatutan oleh peniaga, kerajaan memohon rakyat membuat aduan kepada kerajaan khususnya melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Kerajaan akan mengambil tindakan antipencatutan ke atas peniaga berkaitan. Hanya menerusi maklumat daripada rakyat sama ada aduan melalui telefon ataupun sosial media, membolehkan kita untuk mengambil tindakan sewajarnya. Pihak kerajaan memohon sokongan dan kerjasama daripada rakyat untuk memaklumkan kepada pihak agensi terlibat sekiranya berlaku aktiviti tidak sihat ini.





Cukai Jualan dan Perkhidmatan



Agenda Awani

7 September 2018 (Jumaat)



SOALAN 1 :

YB, berdasarkan kepada pengalaman melawat 12 kawasan, apakah komen dan rintihan rakyat mengenai SST ini?

JAWAPAN

Kami turun padang untuk mahu mendengar sendiri apa yang dihadapi oleh rakyat kerana ini adalah satu sistem percukaian baharu yang menggantikan GST. Pada masa yang sama kami mengambil pendekatan yang berlainan sedikit. Kami tidak mahu menganggap sistem cukai baharu yang diperkenalkan ini sebagai sesuatu yang sudah mati atau jumud, sebaliknya ia adalah sesuatu yang hidup atau organik dan dinamik yang boleh dipinda sekiranya ada sebarang kekurangan. Kami ingin membetul serta menambahbaikkannya. Oleh sebab itu kami turun padang untuk mendengar pandangan daripada peniaga dan juga pelbagai pihak untuk mendapatkan maklum balas dan pandangan mereka. Kami telah pun membuat beberapa pindaan ke atas senarai barangan supaya ia mempunyai kesan yang lebih baik dan tidak begitu membebankan pengguna.

Kita semua maklum bahawa, kerajaan baharu memberikan penekanan kepada kesejahteraan ekonomi rakyat berbanding hanya ingin meningkatkan hasil kerajaan semata-mata. Jadi, sekiranya kita boleh menambah baik atau memastikan kesejahteraan ekonomi rakyat boleh dipelihara, maka kerajaan sedia membuat pindaan atau penambahbaikan sungguhpun dari segi hasil kerajaan mungkin akan berkurangan.

Dalam 12 sesi perbincangan yang diadakan di seluruh negara termasuk di Kota Kinabalu, Sabah dan Kuching, Sarawak, saya telah berdepan dengan lebih daripada 10 ribu orang. Ini bertujuan untuk mendengar maklum balas rakyat

dan mengadakan sesi soal jawab supaya kerajaan boleh mengambil tindakan. Sekiranya mereka menghadapi masalah, Ketua Pengarah atau Pegawai Kastam boleh memberi penjelasan. Cukai SST adalah lebih kurang berbanding dengan GST. Jika dibandingkan beban cukai ini, jelas bahawa jumlah jenis barangan yang dikenakan cukai di bawah GST adalah sebanyak 11,197 jenis barang manakala di bawah SST hanya 6,405 jenis barang sahaja yang dikenakan cukai.

Tambahan pula kerajaan melihat skop pengecualian cukai jika di bawah GST hanya 545 barang sahaja, manakala di bawah SST pula 10 kali ganda lebih banyak barang yang dikecualikan cukai iaitu sebanyak 5,443 jenis barangan. Inilah sebabnya, jumlah cukai yang dikutip di bawah GST dijangka sebanyak RM44 bilion tetapi di bawah SST jumlah cukai yang dikutip hanya RM21 bilion sahaja. Inilah nilai sebanyak RM23 bilion boleh dianggap sebagai hadiah daripada kerajaan yang dipulangkan semula kepada rakyat Malaysia.



SOALAN 2:

Dalam konteks sepuluh kali ganda daripada barangan yang dikecualikan cukai tersebut, adakah ia merupakan pertimbangannya semata-mata untuk kebajikan rakyat atau ia juga strategi kepada apa yang diperlukan oleh negara? Bagaimana hendak mengimbangkan pengecualian ini, kerana jika tidak salah saya YB Tony Pua, ketika sesi perbahasan di Parlimen berkata senarai cukai yang terlalu panjang agak sukar untuk diurus oleh kerana itu ia dipendekkan bagi memudahkan urusan pentadbiran.

JAWAPAN:

Daripada aspek pentadbiran dan pengurusan, memang ada pro dan kontra tetapi apa yang penting adalah dari segi kesan ke atas rakyat. Jadi jika kita bandingkan dengan GST, SST jauh lebih ringan dan itulah teras cukai SST. Saya telah sebut sebelum ini dan saya ingin ulangi lagi bahawa kerajaan membuat sebarang pindaan adalah semata-mata untuk meringankan beban rakyat contohnya masalah yang timbul pada hari pertama pelaksanaan SST ialah kad prabayar, asalnya syarikat telekomunikasi mempunyai sistem yang agak kompleks dan sedikit menyusahkan, bukan memudahkan. Akhirnya kerajaan memutuskan bahawa kad prabayar dikecualikan daripada SST. Ini bermakna pengguna mendapat jumlah isian semula sama seperti apa yang mereka telah bayar. Itulah antara pindaan yang telah dibuat. Inilah yang dikatakan cukai ini adalah dinamik dan hidup. Ia bukan sesuatu yang mati. Apa gunanya jika kita membuat yang baharu tetapi ia tidak memberikan kesan.

Saya dimaklumkan bahawa 12 sesi lawatan ke seluruh negara merupakan kali pertama Menteri Kewangan sendiri turun padang untuk mendengar apa yang disuarakan oleh rakyat. Kita bersedia membuat penambahbaikan ke atas senarai barang-barang yang dikenakan cukai supaya rakyat boleh mendapat

manfaat kerana tujuan kita adalah bukan semata-mata untuk menambah pendapatan tetapi juga supaya rakyat boleh hidup dengan lebih senang.

SOALAN 3:

Jumlah perniagaan yang perlu membayar SST adalah lima kali ganda lebih rendah berbanding GST. Bagaimana kesan SST kepada perniagaan?

JAWAPAN:

Pengurangan syarikat atau perniagaan yang dikenakan cukai adalah kerana GST adalah satu sistem cukai pengguna di mana semua pihak terlibat tidak kira peniaga atau mereka yang menerima gaji. Ia berlainan dengan SST. SST hanya dikenakan ke atas pengilang dan 26 jenis perkhidmatan yang ditetapkan, bukan seperti GST yang mengenakan cukai kepada semua pihak tanpa diberi pilihan.

Kalau kita melihat kepada kesan SST, ia sepatutnya lebih berkurangan berbanding dengan GST, kerana harganya lebih terkawal, tetapi sekiranya ada berlaku peningkatan harga barang, kesannya adalah jauh lebih kurang berbanding dengan pelaksanaan GST.



Oleh kerana itu, kerajaan sentiasa berhati-hati. Saya tidak mahu membuat kesilapan dengan menyatakan bahawa sekiranya SST diperkenalkan, harga barangan akan turun. Apa yang berani saya katakan sekiranya harga barang naik, kesannya adalah separuh berbanding dengan pelaksanaan GST. Pihak pengguna boleh memberi maklumat sekiranya ada mana-mana pihak yang menaikkan harga secara mendadak, kami akan mengambil tindakan antipencatutan ke atas peniaga terbabit.

SOALAN 4:

Barang keperluan asas yang dikecualikan SST adalah seperti bahan-bahan mentah untuk makanan. Tetapi yang akan menjadi isu adalah kenaikan harga makanan di restoran dan kedai-kedai makan. Adakah kesan ini harus dirisaukan terhadap barang makanan dan perkhidmatan yang disukai oleh rakyat Malaysia?

JAWAPAN:

Makanan mempunyai input-input bahan mentah yang dikecualikan SST seperti telur, tepung dan sebagainya, tetapi yang mungkin menjadi masalah ialah daripada segi cukai perkhidmatan. Sekiranya anda mendapat resit yang tidak mencatat cukai perkhidmatan daripada sesebuah restoran, ini bermakna restoran tersebut mempunyai pendapatan yang kurang daripada RM1.5 juta setahun. Sekiranya ada menerima resit yang mencatat 6% cukai perkhidmatan, ini bermakna pendapatan kedai tersebut melebihi RM1.5 juta setahun. Jika terdapat cukai perkhidmatan ia adalah tips kepada pelayan yang tidak dikutip oleh kerajaan tetapi dikenakan sendiri oleh pihak restoran. Jadi dengan ini, kerajaan berharap agar harga barangan makanan tidak dinaikkan dan terus terkawal. Untuk minuman berkarbonat yang dikenakan cukai pada masa ini, kerajaan belum membuat keputusan dasar, ia masih bergantung kepada pembentangan bajet pada 2 November 2018 kelak.

SOALAN 5:

Rakyat selalu merungut mengenai sesuatu barangan atau perkhidmatan yang dikatakan mahal tetapi jika kita mahu menjadi negara maju, cukai juga merupakan suatu mekanisme untuk membetulkan struktur yang ada dalam masyarakat. Mohon pandangan YB tentang perkara ini.

JAWAPAN:

Sistem percukaian mungkin boleh digunakan sebagai satu kaedah untuk mengawal tingkah laku atau “*controlling behaviour*” tetapi ia tidak mungkin 100% berkesan. Sebagai contoh, sekiranya kita mahu menggalakkan masyarakat mengurangkan penggunaan gula, kita menaikkan harga gula. Ini bukanlah cara penyelesaiannya. Mungkin pendidikan adalah lebih baik dan berkesan. Kita harus lebih ikhlas dengan menggunakan pendidikan untuk memperbetulkan sesuatu yang salah.

SOALAN 6:

Mungkin SST terhad jurusannya tetapi semakin menghampiri bajet atau belanjawan, ramai daripada akauntan yang saya temui berkata bahawa mungkin pendekatan “*Zero Based Budgeting*” itu bermula bukan daripada sejarah tetapi kita tukar semua yang dulu dan gantikan dengan yang baharu. Adakah pendapat ini benar?

JAWAPAN:

Saya lebih suka menggambarkan dengan pepatah “buang yang keruh ambil yang jernih”. Kerajaan akan melakukan yang terbaik untuk rakyat dan negara. Jika kerajaan laksanakan sesuatu yang baharu adakah ianya berkesan. Apa gunanya kita membuat yang baharu jika ianya tidak berkesan. Jadi apa yang penting ialah hasil atau “*outcome*” kepada pelaksanaannya.

SOALAN 7:

Jika kita menurunkan cukai pendapatan syarikat kepada 15% atau 10% berbanding dengan maksimum 28%, adakah mungkin kita boleh menggalakkan keusahawanan?

JAWAPAN:

Saya secara peribadi bersetuju. Kita seharusnya kurangkan cukai syarikat namun masalahnya sekarang, jika hendak turunkan cukai korporat kita tidak mampu kerana bebanan hutang yang begitu besar sehingga mencecah trilion ringgit Malaysia. Sungguhpun, secara peribadi saya merasakan kita perlu bergerak ke arah penurunan cukai syarikat, tetapi untuk masa kini disebabkan oleh skandal 1MDB yang menyebabkan hutang negara melambung tinggi. Namun pada masa hadapan, apabila kerajaan mampu memulih semula ekonomi negara dari segi fiskal dan kewangan, ini adalah perkara yang boleh dipertimbangkan.





Cukai Jualan dan Perkhidmatan



Ruang Bicara

7 September 2018 (Jumaat)



PENGENALAN

Sebanyak 5,455 barangan yang dikecualikan daripada SST berbanding kira-kira 500 sahaja dalam senarai pengecualian GST. Perbahasan hari ini mengenai baik atau buruk antara GST dengan SST. Pagi ini, Ruang Bicara mengangkat topik SST bersama-sama YB Tuan Lim Guan Eng, Menteri Kewangan Malaysia.

SOALAN 1:

Apakah situasi yang dihadapi oleh YB sebagai kerajaan? Adakah ia lebih sukar atau lebih bagus?

JAWAPAN:

Banyak cabaran yang dihadapi dalam kerajaan. Tekanan yang diterima juga amat tinggi kerana banyak perubahan yang perlu dibuat untuk membantu rakyat dalam mengecapi kehidupan yang lebih selesa dan senang. Salah satu cara untuk mencapai matlamat tersebut adalah dengan melaksanakan SST. Semoga ia dapat menjamin kesejahteraan rakyat, kerajaan merasakan aspek ini lebih penting daripada meningkatkan hasil negara sahaja.

SOALAN 2:

Salah satu manifesto Pakatan Harapan, adalah pemansuhan GST. Ia akhirnya dapat direalisasikan apabila Dewan Rakyat dan Dewan Negara mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong meluluskannya pada 24 Ogos 2018 yang lalu. Jika YB boleh terangkan apakah perbezaan yang paling utama antara GST dan SST yang menyebabkan kita harus bertukar kepada SST?

JAWAPAN:

Yang pertama, ialah sistem GST ialah cukai yang dikenakan pada setiap peringkat daripada pengilang sehingga kepada pengguna. SST adalah cukai yang dikenakan pada satu peringkat sahaja.

Kutipan cukai GST adalah dianggarkan berjumlah RM44 bilion untuk tahun hadapan berbanding SST hanya dianggar mendapat kutipan sejumlah RM21 bilion sahaja. Kekurangan RM23 bilion ini dianggap hadiah kepada rakyat. Oleh itu, rakyat dapat berbelanja lebih dan sedikit sebanyak membolehkan rakyat dapat hidup lebih senang berbanding dahulu.

SOALAN 3:

Antara informasi kerajaan terdahulu mengatakan bahawa lebih banyak wang yang kerajaan kutip maka lebih banyak juga infrastruktur boleh dilaksanakan untuk rakyat. Maksudnya, timbal balasnya seimbang dan bagaimana dengan pernyataan tersebut YB?

JAWAPAN:

Infrastruktur sebenarnya tidak dirasakan oleh rakyat seperti di Sabah. Rakyat tidak dapat menikmati atau melihatnya. Ini boleh dikaitkan dengan masalah gejala rasuah. Hal ini terjadi apabila projek diberikan kepada mereka yang bukan sewajarnya menjalankan projek tersebut. Ini yang dinamakan sebagai kroni.

Pada masa yang sama, ia juga dianggap cerita yang tidak benar atau dongeng. Penjelasan ini adalah berkisar dengan kenyataan bahawa kerajaan terdahulu menggunakan kutipan GST untuk membayar BR1M. Kita dapat lihat di sini, apabila GST dimansuhkan bukan sahaja kerajaan baharu mampu membayar BR1M malah kerajaan tidak menjadi muflis atau *bankrupt* berbanding dengan kenyataan kerajaan terdahulu. Kerajaan terdahulu menyatakan sekiranya GST dimansuhkan, BR1M akan dihentikan dan negara akan menjadi muflis atau *bankrupt*. Kenyataan ini adalah tidak benar.

Masalah yang terpaksa dihadapi oleh kerajaan sekarang ialah berkenaan isu 1MDB, projek infrastruktur dan pembangunan yang terpaksa dibiayai serta perbelanjaan hutang dan faedah yang ditinggalkan oleh kerajaan terdahulu.

SOALAN 4:

Memetik apa yang YB sebutkan tadi, salah satu daripada faktor terbesar kegagalan integriti GST ialah kerana terdapatnya unsur rasuah. Jadi, apabila kerajaan baharu mengambil alih, mengapa perlu dilaksanakan SST secara serta merta? Jika mungkin GST boleh terus beroperasi di bawah pentadbiran ataupun kerajaan yang lebih telus dan teliti tentangnya, mungkinkah ia akan lebih berjaya?

JAWAPAN:

GST adalah satu sistem cukai yang tiada rasuah tetapi dari segi pelaksanaannya ada menimbulkan masalah sehingga sekarang tidak dapat dijelaskan. Contohnya, bayaran balik yang dijanjikan di bawah undang-undang yang mesti dibayar dalam tempoh masa dua minggu, ianya masih tidak dibayar dalam tempoh lebih dua tahun. Apabila disemak, ianya berjumlah RM19.4 bilion dan daripada jumlah ini wang kerajaan hanya tinggal RM148 juta sahaja.

SST perlu dilaksanakan dengan cepat kerana kita akan hadapi defisit dari segi pengurusan. Ini bermaksud, kerajaan tidak mempunyai cukup wang untuk membayar gaji dan sekiranya ada masalah yang timbul selepas pelaksanaan SST, saya memohon maaf kepada semua.



SOALAN 5:

Kita melihat situasi di mana kita mendapat tentangan daripada ramai pihak yang juga cuba memberitahu bahawa sistem ini adalah sistem yang kurang baik daripada GST. Tetapi, situasi sama juga sebenarnya dihadapi semasa pelaksanaan GST, jadi adakah YB rasa ianya merupakan perkongsian pendapat yang seimbang ataupun sebenarnya berbentuk serangan politik semata-mata?

JAWAPAN:

Pihak lawan sentiasa mencari modal untuk menyerang tetapi itu adalah hak mereka untuk memberikan pandangan sedemikian kerana Malaysia adalah sebuah negara demokrasi. Perlu diingat, tanggungjawab kerajaan adalah untuk menjelaskan kepada rakyat perkara sebenar berdasarkan kepada fakta dan angka.

Kalau kita melihat kepada fakta dan angka, jumlah yang diperoleh kerajaan sekarang adalah RM23 bilion. Ini bermakna rakyat ada RM23 bilion lebih untuk berbelanja. Bukankah ini menunjukkan bahawa SST lebih baik untuk rakyat berbanding dengan GST?

Pada pandangan kerajaan, ianya tentu lebih teruk kerana hasil yang diperoleh lebih kurang tetapi jika dilihat daripada pandangan rakyat, ia adalah lebih baik. Jadi, daripada aspek ini sahaja, kita boleh melihat bahawa SST memang lebih baik jika dibandingkan dengan GST. SST ini sepatutnya disambut dengan baik oleh semua pihak.

Dewan Rakyat dan Dewan Negara tengah sebulat suara menerima SST dan telah mendapat perkenan daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

SOALAN 6:

Di mana proses SST sekarang dan bagaimanakah mekanisme pelaksanaan SST?

JAWAPAN:

SST adalah satu sistem cukai yang dikenakan pada satu peringkat sahaja. Hanya pengilang yang akan dikenakan cukai jualan. Ianya tidak dikenakan pada peringkat yang lain iaitu pemborong sehingga ke pengguna.

Cukai perkhidmatan adalah sama dengan GST iaitu pada kadar 6% tetapi ianya berlainan dengan GST kerana SST hanya dikenakan ke atas 26 jenis perkhidmatan sahaja berbanding dengan GST yang dikenakan ke atas semua jenis perkhidmatan.

Contoh seperti di sektor pembinaan, tiada cukai perkhidmatan dikenakan berbanding pelaksanaan GST yang dikenakan cukai, bil hospital swasta juga dikecualikan daripada SST.

Servis caj ke atas restoran yang di bawah nilai ambang *threshold* RM1.5 juta setahun juga dikecualikan daripada SST, hanya restoran yang berpendapatan lebih daripada RM1.5 juta setahun sahaja yang akan dikenakan cukai SST, berbanding dengan pelaksanaan GST yang meletakkan kadar cukai pada ambang RM500,000.00 setahun.

Di bawah pelaksanaan SST hanya 4,000 kedai kopi dan restoran sahaja yang dikenakan cukai berbanding 17,000 buah kedai kopi dan restoran semasa pelaksanaan GST sebelum ini.

SOALAN 7:

Apakah hukuman yang menanti restoran yang mengenakan cukai kepada pelanggan mereka walaupun mereka tidak mempunyai pendapatan lebih daripada RM1.5 juta setahun?

JAWAPAN:

Pihak yang cuba lari daripada membayar cukai boleh dipenjarakan sehingga tiga tahun dan akan dikenakan hukuman 20 kali ganda daripada cukai yang mereka cuba elak. Kerajaan berharap rakyat mampu menunjukkan rasa cinta dan setia kepada negara dengan membayar cukai yang telah ditetapkan mengikut undang-undang kerana kerajaan telah menukarkan sistem GST kepada SST. Ia merupakan satu sistem yang lebih mudah dan ringan. Oleh yang demikian, tiada sebab dan alasan untuk mereka mengelak daripada membayar cukai.

Sekiranya, pendekatan ini tidak dipatuhi, kerajaan akan bertegas untuk mengambil tindakan yang dinyatakan tadi dan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang melanggar undang-undang.



SOALAN 8:

Apakah kementerian yang bertanggungjawab ke atas hal-hal kepenggunaan boleh mengenakan tindakan ke atas syarikat yang mungkin mengenakan SST kepada pengguna ataupun menaikkan harga barangan sedangkan mereka tidak dikenakan SST. Difahamkan, perkara ini adalah di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), dan rakyat juga dibekalkan dengan talian khas untuk membuat aduan kepada KPDNHEP. Selain daripada restoran, apa lagi perniagaan yang perlu mendaftar dengan SST?

JAWAPAN :

Jumlah syarikat yang berdaftar di bawah SST hanya 100 ribu tetapi di bawah GST adalah sebanyak 472 ribu syarikat. Perbezaan ini adalah sebanyak empat kali ganda, jadi seperti yang saya sebutkan tadi, pengilang yang terlibat dalam pembuatan perlu berdaftar. Mereka yang terlibat dalam 26 jenis perkhidmatan seperti penyediaan makanan, minuman, hotel dan sebagainya perlu mendaftar dengan SST. Tetapi, jika perkhidmatan yang mereka tawarkan tidak tersenarai dalam 26 jenis perkhidmatan yang dinyatakan, maka mereka tidak perlu mendaftar. Pengguna boleh semak di laman sesawang Kementerian Kewangan untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai 26 jenis perkhidmatan tersebut.



SOALAN 9:

Apakah kriteria untuk penyenaraian perkhidmatan dan juga syarikat yang dikenakan SST?

JAWAPAN:

Sekiranya mereka melebihi nilai ambang *threshold* RM500,000.00 pendapatan setahun, maka mereka diwajibkan mendaftar tetapi untuk restoran kita tetapkan jumlah RM1.5 juta setahun.

SOALAN 10:

Senarai ini dikatakan akan dikemas kini dari semasa ke semasa, betul begitu YB?

JAWAPAN:

Saya percaya pengemaskinian yang terakhir adalah pada akhir bulan ini dan semua kelemahan telah diatasi. Sekiranya ada barangan baharu yang perlu dikaji semula kadar cukainya, maka kerajaan akan mengambil langkah yang sewajarnya, tetapi sekiranya tidak, itulah yang mutakhir dan muktamad.



SOALAN 11:

Bagi barangan keperluan harian yang dikenakan dan tidak dikenakan SST, bagaimana kriteria ataupun ciri-ciri pemilihan barangan ini dibuat?

JAWAPAN:

Berteraskan sama ada ia mempunyai kesan ke atas kehidupan harian rakyat atau tidak kerana kerajaan memberikan tumpuan yang lebih untuk menjamin kesejahteraan ekonomi rakyat berbanding untuk meningkatkan hasil negara semata-mata. Sebagai contoh, barangan kosmetik wanita yang asalnya 10% dan setelah melihat kepada maklum balas yang diterima, maka kerajaan kurangkan kepada 5% sahaja dan ianya lebih kurang berbanding GST iaitu sebanyak 6%, barangan harian untuk keperluan keluarga seperti lampin bayi, tuala wanita, kerusi roda, keranda, ikan kering, ikan masin, udang kering, kad prabayar semua dikecualikan daripada SST.

SOALAN 12:

Harga barang mungkin tidak menunjukkan penurunan dan ada potensi untuk meningkat, adakah SST sebenarnya pemangkin utama kepada situasi ini?

JAWAPAN:

Barangan terikat kepada faktor penawaran dan bekalan tetapi impak yang dapat dilihat sekarang ialah lebih sedikit berbanding dengan GST. Kerajaan berharap agar angka pada bulan September dan seterusnya berada dalam keadaan yang diinginkan. Sekiranya terdapat kenaikan, ianya tidaklah mendadak seperti GST. Kadar inflasi sebelum ini ialah 0.1% tetapi selepas pelaksanaan GST ianya mencecah 3-4% dan kita perlu lihat angka yang akan dikeluarkan nanti selepas pelaksanaan SST dan berharap ianya akan turun seperti yang dirancang.

SOALAN 13:

Mengikut kadar pecahan bagi SST, cukai jualan adalah sama ada 0% iaitu dikecualikan ataupun 5% ataupun 10% mengikut kesesuaian. Manakala cukai perkhidmatan pula ialah 6%, jadi adakah sebarang kemungkinan wujud perniagaan yang akan mengenakan caj kedua-duanya sekali?

JAWAPAN:

Tidak banyak barangan yang berkemungkinan dicaj kedua-dua cukai, mungkin hanya rokok. Rokok dikenakan 10% dan jika dibeli daripada kedai yang mempunyai pendapatan lebih RM1.5 juta setahun, maka anda akan dikenakan cukai perkhidmatan 6% tetapi jika sebaliknya, hanya satu cukai sahaja yang akan dikenakan. Kerajaan tidak menaikkan harga rokok terlalu tinggi seperti permintaan sesetengah pihak kerana khuatir akan mewujudkan produk haram. Hal ini akan menyebabkan kerugian dari segi hasil dan pada masa yang sama menghalakkan aktiviti haram.

SOALAN 14:

Talian 019-279 4317 telah diuar-uarkan kepada pengguna untuk membuat aduan dalam bentuk 'whatsapp' bertulis dan gambar. Sejauh mana aduan-aduan itu diambil kira? Adakah ia akan sampai ke Kementerian Kewangan ataupun memang di bawah tanggungjawab kementerian yang berbeza?

JAWAPAN:

Ia adalah di bawah tanggungjawab kementerian yang berbeza tetapi tidak menjadi satu kesalahan atau masalah sekiranya pihak terlibat ingin menghubungi Kementerian Kewangan.

SOALAN 15:

Adakah YB rasa restoran dan syarikat yang menawarkan perkhidmatan yang diperlukan secara harian ini mempamerkan label bahawa mereka akan mengenakan SST atau dikecualikan daripada SST?

JAWAPAN:

Untuk mengetahui sama ada kedai tersebut dikenakan SST atau dikecualikan, kita perlu melihat kepada resit yang dikeluarkan. Kalau boleh, memang pihak kerajaan ingin menggalakkan mereka berbuat sedemikian tetapi tidak ada undang-undang yang mewajibkan mereka untuk memaparkan notis pengenaan SST atau tidak. Walau bagaimanapun, peniaga dimestikan untuk mencetak pengenaan SST kepada mereka yang dikenakan SST dan menjadi satu kesalahan jika ia tidak dicetak pada resit.

SOALAN 16:

Servis caj yang dikenakan dan bukannya cukai. Adakah hal ini boleh berlaku servis caj dan cukai perkhidmatan dikenakan oleh penyedia perkhidmatan restoran dan sebagainya?

JAWAPAN:

Cukai perkhidmatan atau *service tax* diambil oleh kerajaan dan servis caj diambil oleh restoran untuk diberikan kepada pelayan. Servis caj tidak ada kena mengena dengan kerajaan.

SOALAN 17- soalan di FB Live:

Bagaimana hendak membuat laporan ke atas warung yang mengambil kesempatan menaikkan harga semasa pelaksanaan SST walaupun ia tidak mempunyai pendapatan sehingga RM1.5 juta setahun?

JAWAPAN:

Kita harus memastikan bahawa mereka benar-benar melanggar undang-undang. Sila laporkan kepada nombor yang dinyatakan tadi dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan membuat siasatan dan pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) juga akan turut serta menyemak sama ada warung tersebut layak atau tidak dikenakan SST.

SOALAN 18: Panggilan telefon :

Encik Ridhwan daripada Pulau Pinang

SOALAN 1:

Mengapakah kos sara hidup semakin tinggi walaupun negara bebas daripada GST?

JAWAPAN 1:

Semasa cuti cukai *tax holiday* kerajaan juga menerima banyak aduan tentang kos sara hidup yang tidak berubah sebaliknya ianya naik. Antara sebabnya adalah kos harga sedunia naik dan kami sedang dalam proses semakan. Ianya juga berlaku atas sebab kuasa monopoli yang menyebabkan harga tidak boleh diturunkan di mana hanya satu syarikat sahaja yang membekalkan produk tersebut seperti beras. Sekiranya ada saingan yang sama rata, kita akan lihat penurunan harga. Ini saya sifatkan

sebagai masalah struktur ekonomi yang perlu diatasi. Selain daripada itu, ia juga disebabkan oleh harga kawalan kerana ada sesetengah barangan yang mempunyai harga kawalan iaitu sama ada cukai dikenakan atau tidak, ia mesti dijual dengan harga tersebut. Jadi jika harga kawalan yang disifatkan rendah penjual tidak boleh merendahkan lagi harga barangan tersebut.

SOALAN 19:

Bagaimana dengan SST ke atas insurans kereta?

JAWAPAN:

Di bawah SST, insurans hayat dan insuran perubatan dikecualikan tetapi insurans am masih kekal dibayar cukai perkhidmatan.

SOALAN 20:

Adakah SST mampu memberikan keselesaan kepada semua lapisan dan golongan masyarakat?

JAWAPAN:

Dahulu motosikal 250cc ke bawah dikenakan GST, tetapi di bawah sistem SST ia tidak dikenakan. Bagi pembayaran elektrik dahulu, jika penggunaan lebih daripada 300kwh akan dikenakan GST, tetapi di bawah pelaksanaan SST ianya dinaikkan kepada penggunaan lebih 600kwh barulah akan dikenakan SST. Selain itu, penerbangan dalam negeri Sabah dan Sarawak juga dikecualikan SST.

Soalan 21:

Jika barang yang dibeli ialah barang yang bercampur iaitu dikenakan dan tidak dikenakan SST. Bagaimana dengan resit pembayaran itu nanti. Adakah perlu diasingkan atau bagaimana?

JAWAPAN:

Sekiranya untuk perkhidmatan, ia jelas. Jika restoran yang mempunyai nilai ambang *threshold* melebihi RM1.5 juta dan untuk peniaga lain RM500,000. Jadi, kena lihat sama ada anda adalah pengilang atau pun bukan pengilang. Dari segi cukai perkhidmatan, kita perlu lihat nilai ambang, sekiranya anda pergi ke *supermarket* adalah dianggap perkhidmatan jadi sekiranya pendapatan lebih RM1.5 juta setahun maka perlu dibayar tetapi sekiranya kurang, tidak perlu bayar. Jadi, perlu dilihat dari segi nilai ambang ataupun *threshold*.

SOALAN 22:

Persepsi yang mengatakan kerajaan sekarang adalah kerajaan yang miskin dan sedang menanggung hutang yang banyak serta perlu melakukan banyak perkara, apa komen YB?

JAWAPAN:

Kalau kita miskin tetapi bersungguh-sungguh, kami yakin akan berjaya kerana asal-usul orang kaya juga adalah miskin tapi jika anda rajin, jujur dan bersih saya yakin pasti akan berjaya.


INFO @ SST

Untuk sebarang maklumat lanjut
sila hubungi :

Laman SST:
<https://mysst.customs.gov.my>

Telefon:
03-78067200

Emel:
ccc@customs.gov.my





Diterbitkan oleh :
Bahagian Penerbitan Dasar Negara
Jabatan Penerangan Malaysia
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia



www.penerangan.gov.my



pmr.penerangan.gov.my



webmaster@inform.gov.my



B.047 (B.M) OKTOBER 2018(017.)

